

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PEMBUKAAN RASMI PENANG SKILLS DEVELOPMENT CENTRE
(PSDC)

TEMPAT: PENANG SKILLS DEVELOPMENT CENTRE (PSDC), PULAU PINANG

TARIKH: 19 JUL 1994

MASA:

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Penang Skills Development Centre (PSDC) kerana menjemput saya untuk merasmikan pembukaan PSDC pada hari ini.

2. Saya sungguh gembira bahawa penubuhan PSDC adalah satu contoh baik mengenai kerjasama rapat antara Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan sektor swasta. Saya difahamkan bahawa sementara Kerajaan Pulau Pinang menyediakan 'operating grant' tahunan sebanyak RM120 ribu dan Kerajaan Persekutuan memperuntukkan RM7 juta untuk alat-alat kelengkapan, semua 'lab' dan 'workshop' di PSDC telah didirikan dengan alat-alat atau geran daripada sektor swasta. Sektor swasta juga saya diberitahu telah menyediakan sumber latihan, mengenalpasti keperluan latihan dan membantu mendirikan kemudahan-kemudahan. Dalam lain-lain perkataan, ini merupakan satu contoh baik mengenai 'Malaysia Incorporated concept at work'.

3. Penubuhan PSDC juga merupakan satu langkah yang penting yang memberi faedah bersama kepada semua pihak. Oleh kerana program latihan dan alat-alat yang dilengkapkan di PSDC adalah 'industry standard', semua program latihan adalah terkini dan 'geared' bagi memenuhi keperluan industri di negara ini amnya dan Pulau Pinang khususnya. Juga oleh kerana program yang dijalankan oleh PSDC adalah berdasarkan keperluan industri, tumpuan sudah tentu diberi terhadap meningkatkan kecekapan dan mencapai produktiviti yang lebih tinggi. Di samping itu, dengan adanya PSDC, saya yakin usaha-usaha untuk menjadikan Pulau Pinang dan negeri-negeri di sebelah utara Semenanjung Malaysia sebagai pusat perkilangan akan lebih berjaya.

4. Dalam usaha kita mencapai pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi, pembangunan kemahiran adalah penting. Dalam hal ini, Kerajaan sentiasa memberi perhatian berat terhadap pembangunan tenaga kerjanya. Ini adalah kerana Kerajaan percaya bahawa penduduknya merupakan sumber tenaga yang penting. Untuk mencapai kejayaan ekonomi yang lebih tinggi mutu tenaga kerja adalah antara faktor utama. Oleh itu, sebarang usaha untuk meningkatkan lagi mutu tenaga kerja negara ini adalah dialu-alukan.

5. Bagaimanapun tanggungjawab melatih dan melengkapkan kemahiran kepada rakyat bukanlah terletak di bahu Kerajaan semata-mata. Ianya merupakan tanggungjawab semua pihak -- majikan, pekerja, kesatuan sekerja, institusi-institusi latihan, sekolah dan juga ibu bapa. Adalah mendukacitakan bahawa masih ada pihak yang kerap beranggapan bahawa pembangunan dan latihan kemahiran adalah tanggungjawab Kerajaan. Bagaimanapun saya gembira bahawa penubuhan PSDC ini menunjukkan bahawa sudah wujud kesedaran bahawa tanggungjawab ini seharusnya dikongsi bersama di antara Kerajaan dengan pihak-pihak lain.

6. Sebagai sebuah negara yang sedang pesat membangun adalah penting para pekerja kita sentiasa memperbaiki kemahiran dan melengkapkan diri mereka dengan kemahiran baru. Para pekerja harus sedar bahawa hanya melalui peningkatan kemahiran sahaja baharulah produktiviti dapat ditingkatkan lagi dan dengan itu pendapatan mereka. Pekerja yang mahir juga boleh membantu meningkatkan daya saing barangan keluaran eksport negara. Dengan memiliki berbagai-bagai kemahiran, para pekerja juga akan lebih mudah membuat penyesuaian dan perubahan-perubahan yang perlu yang dibawa oleh teknologi baru.

7. Memandangkan pembangunan tenaga kerja adalah penting, Kerajaan telah memperuntukkan kira-kira 13 peratus daripada belanjawan pembangunan Rancangan Malaysia Keenam untuk pendidikan dan latihan. Bagi sebuah negara membangun jumlah ini adalah besar. Kerajaan akan terus memberi perhatian berat terhadap pembangunan tenaga kerja di masa-masa akan datang kerana tenaga kerja yang terlatih dan mahir adalah antara aset penting negara.

8. Penubuhan PSDC merupakan satu langkah yang tepat. Ekonomi negara kini berkembang pesat dan pertumbuhan yang menggalakkan ini dijangka akan terus berlaku di tahun-tahun akan datang. Dalam keadaan ini peluang kerja bagi mereka yang mahir adalah banyak, terutama di sektor perkilangan. Oleh itu PSDC sudah tentu dapat memainkan peranan yang penting membantu negara memenuhi keperluan pekerja-pekerja yang terlatih dan berkemahiran.

9. Saya difahamkan bahawa PSDC akan melancarkan Tabung Biasiswanya dengan tujuan untuk menggalakkan para penuntut mengambil 'engineering' sebagai karier mereka. Pelancaran tabung ini adalah satu langkah yang baik dan diharapkan ianya akan mendapat sokongan orang ramai.

10. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang terlibat yang telah menjayakan penubuhan PSDC ini. Adalah diharapkan PSDC dapat dijadikan satu 'model' yang boleh dicontohi oleh negeri-negeri lain, terutama yang sedang mengalami proses perindustrian yang pesat.

11. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan

pembukaan Penang Skills Development Centre ini.